

23/05/1997

Tiga puluh regu sah bertanding di Terbuka Melaka

Pakir Mohamad

LEBIH 30 regu sah bertanding di Kejohanan Sepaktakraw Regu Terbuka Melaka 1997 anjuran Persatuan Belia Suria Bachang (PBSB) di gelanggang Surya, selama dua hari mulai 31 Mei ini.

Pada masa sama, PBSB turut menganjurkan kejohanan kategori veteran (tertutup) Melaka bagi merebut Piala Dr Azlan Darwis.

Pengerusi pertandingan, Mahathir Mohamad berkata, kejohanan itu diberi sambutan luar jangkaan apabila terlalu banyak permohonan untuk menyertai kedua-dua kejohanan itu.

Katanya, kedua-dua kejohanan itu menawarkan hadiah wang tunai berjumlah RM3,100.

Menurutnya, johan bagi acara regu terbuka akan menerima hadiah wang tunai RM 1,000 dan piala pusingan, naib johan RM800, ketiga RM300 dan keempat RM300 manakala johan veteran pula akan menerima RM300, naib johan RM200 dan memenang tempat ketiga dan keempat masing-masing RM100.

"Kami masih membuka peluang kepada persatuan yang ingin menyertai kejohanan berkenaan dan regu yang berminat boleh mendapatkan borang penyertaan di pejabat Surya," katanya.

Hanya empat pemain dibenarkan bagi setiap regu termasuk kategori veteran termasuk seorang peserta berumur tidak melebihi 36 tahun (lahir pada atau sebelum 1 Januari 1961).

"Setiap regu veteran dikenakan bayaran pendaftaran RM30 dan regu terbuka pula RM50," katanya.

Maklumat boleh diperolehi dengan menghubungi Ibrahim Muhammad Sued di pejabat PBSB, Lorong Haji Baba atau telefon 06-2921288/06-3362131 sebelum Ahad ini.

(END)